



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**PENOLONG PERAKAM SUARA ENG (D.3 EB.4-5)
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi Pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENOLONG PERAKAM SUARA ENG
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
D.3 EB.4-5 [\$900 - \$1,625 EB KHAS \$1,665 - \$1,825 SEBULAN]
KEKOSONGAN = TIGA (03)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (*NC*) atau sebanding dalam bidang *Cinematography / Kewartawanan / Pengajian Media / Penyiaran Audio dan Video / Penyuntingan Audio dan Video / Photography* atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) *BDTVEC / BTEC* Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (*NC*) atau sebanding dalam lain-lain bidang dan mempunyai pengalaman bertugas secara tetap atau sambilan dalam media penyiaran tidak kurang 6 bulan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- d) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.

2. Keutamaan adalah diberikan kepada calon **LELAKI**.
3. Dimestikan lulus dalam ujian kelayakan (praktikal) yang dikendalikan oleh Jabatan Radio Televisyen Brunei.
4. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
5. Boleh membuat Kertas Kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian *Microsoft Office*.



6. Mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang rakaman suara / rakaman video / penggambaran / penyiaran / kewartawanan adalah kelebihan.
7. Mengikuti Program Pembangunan dalam bidang yang berkenaan anjuran Jabatan Radio Televisyen Brunei adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu Perakam Suara ENG yang bertugas dalam penyediaan peralatan-peralatan perakam suara yang berkenaan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya;
2. Memastikan peralatan perakam suara yang digunakan dalam keadaan baik untuk dibawa ke lokasi penggambaran;
3. Membantu serta mengikuti arahan daripada krew-krew atasan yang berkenaan pada sebelum, semasa dan sesudah penggambaran dijalankan;
4. Membuat liputan bagi acara-acara yang berkenaan sama ada di dalam dan di luar negeri dalam hal ehwal rakaman suara;
5. Memastikan semua kerja-kerja yang dibuat hendaklah siap pada waktu yang ditetapkan; dan
6. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.